

## **BAB LIMA**

### **PENUTUP**

#### 5.1 Pendahuluan

Bab ini menghuraikan rumusan tentang penemuan kajian dan cadangan-cadangan ke arah menjadikan Kursus Pendidikan Islam mempengaruhi terhadap cara hidup pelajar dalam semua aspek kehidupan pada tahap yang lebih baik lagi. Cadangan yang dikemukakan adalah berdasarkan hasil analisis kajian, pandangan-pandangan dan komen daripada pensyarah-pensyarah yang mengajar kursus tersebut.

#### 5.2 Rumusan Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian perpustakaan dan deskriptif berbentuk tinjauan yang menggunakan data-data yang diperolehi daripada data-data primer, sekunder dan kajian lapangan. Sampel kajian adalah terdiri daripada 265 orang pelajar yang berada pada semester kedua hingga semester kelima yang mewakili pelbagai jabatan dan jantina. Responden yang dipilih adalah mereka yang sedang mengikuti pengajian pada Sesi Julai 2009 dalam bidang kejuruteraan dan perdagangan serta berdaftar secara sepenuh masa dengan Politeknik Kota Melaka. Dalam kajian ini, penulis menggunakan beberapa kaedah untuk mengumpulkan data kajian iaitu metode dokumentasi, metode temubual, metode soal selidik dan metode pemerhatian.

Dalam kajian ini, bilangan responden lelaki yang terlibat adalah sebanyak 42.6% manakala 57.4% adalah responden perempuan. Responden Jabatan Perdagangan mewakili 29.4% dari keseluruhan responden dan diikuti dengan Jabatan Kejuruteraan Awam iaitu seramai 28.3%, seterusnya ialah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal iaitu seramai 22.3% dan Jabatan Kejuruteraan Elektrik iaitu sebanyak 20.0%. Dapatan kajian juga menunjukkan responden daripada semester kedua mewakili sebanyak 113 orang (42.6%), responden dari semester ketiga pula sebanyak 23 orang (8.7%), responden semester keempat adalah 115 orang (43.4%) dan responden semester kelima pula sebanyak 14 orang (5.3%).

Melihat kepada objektif kajian, penulis mempunyai tiga objektif utama. Objektif pertama adalah untuk mengenal pasti isi kandungan kurikulum Kursus Pendidikan Islam yang diperkenalkan kepada pelajar-pelajar di Politeknik Kota Melaka. Dalam hal ini, sistem pengajian di politeknik tidak meminggirkan aspek pendidikan kerohanian walaupun aspek teknikal merupakan teras utama penubuhan politeknik di Malaysia. Ini dapat dibuktikan dengan kewujudan Kursus Pendidikan Islam di semua politeknik seluruh Malaysia termasuklah Politeknik Kota Melaka.

Kursus Pendidikan Islam merupakan kursus wajib kepada setiap pelajar Muslim yang mengikuti pengajian di politeknik. Ia bertujuan untuk melahirkan individu atau pelajar yang mempunyai jati diri muslim dan mampu menghadapi pelbagai cabaran hidup serta membentuk sikap positif dalam kehidupan berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara. Struktur Kursus Pendidikan Islam juga digubal mengikut sukatan yang bersesuaian dengan pencapaian akademik pelajar dan ia sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa. Kursus Pendidikan Islam 1 merangkumi topik-topik yang menjadi kerangka asas kepada pengetahuan agama Islam iaitu akidah, syariah dan akhlak. Kandungan akidah meliputi

40% daripada keseluruhan sukatan kurikulum tersebut. Manakala 35% pula meliputi perkara berkaitan syariah dan 25% berkaitan dengan akhlak Islam. Manakala kandungan Kursus Pendidikan Islam 2 pula menekankan sebanyak 70% berkenaan topik perkahwinan dan isu-isu berkaitan rumah tangga. Di samping itu masing-masing sebanyak 10% diberi penekanan untuk topik sumber hukum, pengurusan jenazah dan hukum jenayah Islam.

Objektif kedua kajian ini ialah untuk mengenal pasti tahap pemahaman asas pendidikan Islam di kalangan pelajar Politeknik Kota Melaka. Hasil kajian menunjukkan tahap pemahaman asas pendidikan Islam berada pada tahap yang tinggi apabila skor nilai min keseluruhan berada pada tahap tinggi (min=4.17). Selain itu keseluruhan item terutama pada item *Memahami sepenuhnya maksud kalimah syahadah dan tuntutananya*, *Membezakan dengan jelas ibadat fardu dan ibadat sunat* dan *Boleh membezakan dengan jelas antara akhlak mahmudah dan akhlak mazmumah* juga mendapati tahap pengetahuan asas Pendidikan Islam yang agak memuaskan. Dalam item *Boleh membaca tulisan jawi dengan baik dan lancar* dan *Boleh membaca al-Quran dengan lancar mengikut tajwid*, ia menunjukkan peratusan yang agak sederhana. Perkara ini disebabkan oleh kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan dalam sistem ejaan rumi. Selain itu, tiada sukatan pelajaran yang khusus untuk pembelajaran al-Quran dan tajwid juga menyebabkan ramai pelajar lemah dalam pembacaan al-Quran secara lancar mengikut tajwid.

Objektif ketiga kajian ini ialah untuk mengenal pasti pengaruh Kursus Pendidikan Islam di Politeknik Kota Melaka terhadap cara hidup pelajar dalam aspek ibadat, cara berpakaian, pergaulan dengan ibubapa, pergaulan dengan pensyarah dan pergaulan dengan rakan-rakan. Dapatan kajian dianalisis daripada persepsi pelajar berdasarkan soal selidik, temubual dan pemerhatian yang telah dijalankan dan bukannya berdasarkan gelagat atau

tingkah laku yang sebenar setelah mereka mengikuti kursus ini. Dapatan mengenai pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap amalan beribadah berada pada tahap sederhana apabila skor nilai min keseluruhan berada pada tahap sederhana (min=2.74). Hasil kajian mendapati jumlah peratusan yang agak rendah terhadap beberapa amalan seperti menunaikan solat ketika berada di politeknik atau di rumah/asrama, amalan membaca al-Quran, amalan ibadat-ibadat sunat seperti solat sunat, puasa sunat dan berzikir dan amalan membaca ayat-ayat hafazan yang dipelajari di politeknik dalam ibadat harian. Perkara ini disebabkan penumpuan corak pembelajaran yang lebih kepada kursus teras terutama kursus teknikal sehingga menganggap Kursus Pendidikan Islam tidak begitu penting atau belajar hanya sekadar untuk lulus sahaja. Perkara ini perlu diberi perhatian serius memandangkan ibadat merupakan antara tonggak utama dalam agama Islam selain akidah dan akhlak.

Dapatan kajian mengenai pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap cara berpakaian berada pada tahap tinggi apabila skor nilai min keseluruhan berada pada tahap tinggi (min=3.90). Daripada pemerhatian penulis, semua pelajar Islam memakai pakaian yang menutup aurat ketika berada di politeknik. Hasil kajian juga menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa menutup aurat merupakan amalan yang mesti dipatuhi dalam agama Islam. Namun ada juga responden berpendapat bahawa mereka memakai pakaian yang menutup aurat dan sopan kerana mematuhi peraturan politeknik. Dalam beberapa kegiatan seperti aktiviti kokurikulum, ketika keluar bersiar-siar dengan rakan-rakan atau ketika keluar menghadiri aktiviti dan program bebas, ada segelintir responden yang memakai pakaian yang tidak menutup aurat. Hal ini berlaku demikian berkemungkinan responden beranggapan bahawa apabila berada di luar kawasan politeknik, mereka bebas memakai pakaian mengikut citarasa mereka kerana tidak terikat dengan sebarang peraturan.

Dapatan kajian mengenai pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap pergaulan dengan ibu bapa berada pada tahap tinggi apabila skor nilai min keseluruhan berada pada tahap tinggi (min=4.53). Dapatan kajian menunjukkan peratusan yang agak tinggi terhadap kesemua item yang dikemukakan seperti patuh dan taat kepada kata-kata dan nasihat ibu dan bapa, menghormati kepada kedua ibu dan bapa, mencium tangan ibu dan bapa ketika bersalam dengan mereka, membantu ibu bapa dalam apa jua keadaan dan mendoakan kesejahteraan untuk kedua ibu bapa ketika berdoa. Hal ini menunjukkan para pelajar menyanjungi jasa dan pengorbanan orang tua mereka dalam mendidik dan membesarkan mereka sehingga mereka berjaya menjejakkan kaki ke politeknik.

Begitu juga dengan pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap pergaulan dengan pensyarah, didapati keseluruhan dapatan berada pada tahap tinggi apabila skor nilai min keseluruhan berada pada tahap tinggi (min=4.12). Dapatan kajian menunjukkan para pelajar mempunyai pengaruh yang positif terhadap semua perkara yang dikemukakan seperti memberi salam kepada pensyarah apabila bertemu, selalu bertegur sapa dengan pensyarah, menghormati pensyarah sebagai seorang guru dan selalu menolong pensyarah jika diminta berbuat demikian. Walau bagaimanapun dalam perkara berkaitan ketepatan menghantar tugas yang diberikan oleh pensyarah mengikut masa yang ditetapkan, kajian mendapati masih ramai di kalangan responden yang tidak menghantar tugas tepat mengikut masanya. Mereka mungkin menganggap bahawa perkara tersebut bukanlah merupakan perlakuan yang tidak menghormati pensyarah mereka sebaliknya ia adalah sikap sebahagian pelajar yang suka bertangguh apabila menyiapkan tugas yang diberikan.

Pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap pergaulan dengan rakan-rakan pula menunjukkan responden mempunyai hubungan yang baik dengan rakan-rakan mereka apabila skor nilai min keseluruhan berada pada tahap tinggi (min=3.85). Peratusan yang positif didapati terhadap beberapa amalan seperti bertegur sapa dengan rakan-rakan, membantu rakan-rakan apabila mereka memerlukan bantuan dan menasihati rakan-rakan apabila mereka melakukan kesalahan. Walaupun demikian, terdapat peratusan yang sederhana terhadap amalan memberi salam kepada rakan apabila bertemu dan menziarahi rakan-rakan ketika waktu cuti/musim perayaan. Hal ini mungkin disebabkan salam tidak dijadikan sebagai budaya sejak dari awal lagi sehingga susah untuk diamalkan ketika sudah mulai dewasa. Berkenaan dengan amalan menziarahi rakan-rakan ketika musim cuti/perayaan, perkara ini disebabkan jarak dan kedudukan yang jauh antara satu sama lain menyebabkan kunjungan untuk bertemu rakan-rakan agak kurang dipraktikkan.

Secara keseluruhan kajian ini mendapati wujudnya pengaruh yang positif pada tahap sederhana terhadap beberapa aspek cara hidup di kalangan responden setelah mengikuti Kursus Pendidikan Islam di Politeknik Kota Melaka. Hasil dapatan temubual yang telah dijalankan terhadap beberapa orang pensyarah mengenai cara hidup pelajar dalam aspek-aspek yang dikaji, mereka sependapat mengatakan Kursus Pendidikan Islam yang dilaksanakan di politeknik mempengaruhi cara hidup pelajar secara sederhana dalam aspek-aspek tersebut. Namun dalam aspek amalan ibadat, pengaruhnya berada pada tahap yang agak rendah berbanding aspek-aspek lain. Manakala aspek pemakaian para pelajar pula terutama ketika berada di politeknik adalah memuaskan. Ianya selaras dengan peraturan politeknik yang menetapkan panduan pemakaian yang sopan yang perlu dipatuhi oleh mereka. Manakala aspek-aspek seperti pergaulan dengan ibubapa, pergaulan dengan pensyarah dan pergaulan dengan rakan-rakan menurut mereka mempunyai pengaruh yang

tinggi berdasarkan pemerhatian mereka sepanjang tempoh berkhidmat di politeknik. Mereka turut mengakui bahawa pendedahan awal sejak dari sekolah dan kesinambungan Kursus Pendidikan Islam di politeknik membantu meningkatkan lagi pengaruh kursus ini terhadap cara hidup pelajar.

Hasil dapatan temubual yang telah dijalankan terhadap beberapa orang responden dapat dirumuskan bahawa pelaksanaan Kursus Pendidikan Islam di politeknik mempengaruhi hidup mereka secara sederhana. Selain daripada pelaksanaan Kursus Pendidikan Islam di politeknik, pengetahuan agama Islam sedia ada turut mempengaruhi cara hidup mereka. Hal ini kerana mereka telah didedahkan dengan amalan cara hidup berpandukan ajaran agama Islam sejak dari kecil dan usaha ini dilaksanakan secara berterusan sehingga mereka memasuki politeknik. Jesteru pelaksanaan Kursus Pendidikan Islam di politeknik bukanlah satu usaha yang sia-sia kerana ianya dapat membantu meningkatkan kefahaman dan penghayatan para pelajar terhadap cara hidup Islam yang sebenar. Seandainya tiada usaha berterusan dalam memberikan pengetahuan agama Islam kepada para pelajar yang majoriti adalah terdiri daripada usia remaja, tidak mustahil cara hidup mereka akan terpesong kepada cara hidup yang salah sekaligus jauh dari syariat Islam.

### 5.3 Implikasi Kajian

Penelitian dari hasil kajian ini memberikan implikasi bermakna terhadap Kursus Pendidikan Islam di politeknik. Implikasi yang amat ketara adalah seperti berikut:

1. Hasil kajian ini pada keseluruhannya menunjukkan bahawa pelajar mempunyai pemahaman yang agak tinggi dalam pendidikan Islam. Perkara ini perlu diberi keutamaan kepada para pelajar berkenaan kepentingan menuntut ilmu dalam Islam agar mereka dapat menyiapkan diri dengan fardu ain dan fardu kifayah sebelum mereka melangkah keluar ke alam pekerjaan.
2. Pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap beberapa aspek cara hidup pelajar juga berada di tahap yang positif. Namun terdapat beberapa perkara dalam aspek amalan beribadah menunjukkan peratusan yang agak rendah dan perkara ini perlu diberi perhatian oleh semua pihak agar ianya dapat diperbaiki. Penekanan juga perlu diberikan terhadap penghayatan amalan beragama dalam kehidupan agar para pelajar menjadikan agama Islam sebagai satu cara hidup.
3. Kajian ini mendapati pelajar masih belum menguasai kemahiran jawi dan al-Quran dengan baik. Keadaan ini memberikan kesan terhadap membaca bahan-bahan rujukan dalam tulisan jawi dan proses menghafal ayat-ayat al-Quran. Aktiviti-aktiviti pemulihan hendaklah dipergiatkan oleh para pensyarah dalam membantu pelajar-pelajar yang lemah agar mereka dapat membaca seterusnya mengamalkan ayat-ayat al-Quran terutamanya ketika solat.



## 5.4 Cadangan

Berdasarkan hasil kajian yang telah dilakukan oleh penulis, dikemukakan beberapa cadangan berikut:

1. Kajian ini dilakukan hanya menggunakan pemerhatian dan soal selidik kepada para pelajar sahaja serta menemubual beberapa orang pensyarah. Oleh itu, dicadangkan satu kajian dapat dilakukan dengan mengedarkan soal selidik kepada para pensyarah dan turut menemubual beberapa orang pelajar untuk mendapatkan pandangan mereka secara lebih jelas dan tepat lagi.
2. Skop kajian ini hanyalah kepada pelajar-pelajar yang mengikuti Kursus Pendidikan Islam di peringkat sijil sahaja memandangkan pengajian di Politeknik Kota Melaka baru memulakan program di peringkat diploma pada Sesi Julai 2009. Untuk melihat hasil perbandingan yang lebih berkesan, satu kajian melibatkan pelajar peringkat sijil dan diploma boleh dilakukan agar hasilnya adalah lebih menyeluruh.
3. Kajian ini hanya dijalankan di Politeknik Kota Melaka sahaja dengan bilangan sampel yang terhad. Oleh itu, keputusan kajian ini tidak dapat direalisasikan kepada semua politeknik seluruh Malaysia. Justeru, satu kajian lanjut harus dilaksanakan yang meliputi sampel yang lebih besar merangkumi semua politeknik seluruh Malaysia agar hasil yang diperolehi boleh menggambarkan keseluruhan pelajar politeknik.

## 5.5 Penutup

Setelah meneliti keseluruhan kajian ini, tidak dinafikan lagi bahawa setiap ilmu yang dipelajari harus diamalkan dalam setiap aspek kehidupan. Islam sebagai sebuah agama yang sempurna dan suci harus menjadi anutan setiap manusia disamping mengamalkan setiap ajaran yang dibawa bersama-samanya.

Bagi meningkatkan penghayatan cara hidup Islam dikalangan para pelajar, para pengajarnya juga perlu mengamalkan semua ajaran Islam dalam setiap aspek kehidupan seharian. Hal ini penting agar perlakuan dan contoh yang dipertontonkan oleh para pendidik akan menjadi panduan dan pedoman buat para pelajar. Jika ianya hanya sekadar bermain di bibir mulut sahaja, maka usaha untuk memastikan ajaran agama Islam dihayati dalam hidup seorang pelajar sukar untuk dicapai.

Sebagai akhirnya, penulis amat berharap agar usaha yang sedikit ini dapat memberikan sumbangan kepada penghayatan dan praktikal Islam kepada semua umat pada penghujung zaman ini. Penulis memohon maaf diatas segala kekurangan yang terdapat di dalam kajian ini dan semoga ianya mendapat keampunan daripada Allah s.w.t.